

[FOTO SALHANI IBRAHIM]



**Dr Mahathir**  
pada Majlis  
Penyampaian  
Anugerah  
Kecemerlangan  
Industri 2018  
di Kuala Lumpur,  
malam tadi.

## Malaysia destinasi utama industri berteknologi tinggi: PM

**Malaysia** akan menjadi destinasi utama bagi industri berteknologi tinggi dan penyedia penyelesaian pintar menyeluruh bagi sektor pengilangan serta perkhidmatan di rantau ini.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kemuncak kepada dasar Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang dilancarkan pada Oktober

tahun lalu adalah dengan meletakkan impian untuk Malaysia sebagai rakan strategik bagi pengilangan pintar.

Katanya, secara asasnya pelancaran dasar Industri 4.0 itu adalah mengambil kira daripada keperluan membekalkan perkhidmatan teknologi maklumat khususnya internet kebendaan (IoT) sehinggalah kepada keperluan membuka

pasaran pembekalan.

### Tingkat kecekapan

“Dasar ini bertujuan menerapkan penggunaan teknologi lebih besar bagi meningkatkan kecekapan dan mempercepatkan fleksibiliti dalam usaha menjamin kemampuhan daya saing.

“Malaysia menasarkankan pertumbuhan ekonomi antara 4.3

hingga 4.8 peratus bagi tahun ini dengan mengambil kira cabaran semasa ekonomi global.

“Manakala sektor pengilangan disasarkan untuk mencatatkan pertumbuhan hampir lima peratus setahun disokong dengan peralihan kepada produk tambah nilai tinggi dan kompleks,” katanya dalam ucapan pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemer-

langan Industri (AKI) 2018 di Kuala Lumpur, malam tadi.

Menerusi anugerah itu, Hospital Pakar KPJ Ipoh mengungguli penerima anugerah utama, Anugerah Perdana Menteri dan membawa pulang hadiah RM500,000 serta trofi, manakala, STMicroelectronics Sdn Bhd pula dipilih sebagai penerima Anugerah Kategori Terbuka.